



ISMAIL BAKAR (kanan) dan **Aini Idris** (tengah) melihat pelbagai anak pokok sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia Ke-40 di Kuala Lumpur, semalam. - **UTUSAN/SHAIKUDIN MOHD. NOR**

5,000 anak pokok buah-buahan dijual di Ekspo Pertanian

KUALA LUMPUR 20 Okt. - Sebanyak 5,000 anak pokok buah-buahan termasuk pelbagai klon anak pokok durian, rambutan, jambu dan nangka ditawarkan dalam Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-40 yang berlangsung di Bukit Ekspo bermula hari ini hingga Rabu depan.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Idris berkata, antara anak pokok durian yang dijual dalam ekspo berkenaan ialah jenis klon D24, D99 (Kop Kecil), D168 (Hajah Hasmah) D197 (Raja Kunyit).

"Selain itu anak benih pokok rambutan jenis R91, anak pokok mangga jenis MA 224 Cok Anan, anak pokok nangka jenis J33 dan anak pokok jambu batu jenis GU15 juga turut dijual dalam ekspo yang dibuka dari pukul 10 pagi hingga 10 malam.

"Seperti tahun-tahun sebelum ini, anak-anak pokok ini mendapat sambutan yang menggalakkan terutama benih durian," katanya selepas majlis perasmian Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Ke-40, dekat sini hari ini.

Terdahulu majlis dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Datuk Dr. Ismail Bakar.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsuddin dan Pengarah Taman Pertanian UPM, Prof. Dr. Japar Sidik Bujang.

Pada tahun ini, ekspo pertanian yang dianjurkan dengan kerjasama *Utusan Malaysia* sebagai media rasmi akan membawa tema Mengungguli Pertanian Menggapai Reputasi Antarabangsa bagi menarik minat masyarakat menjadikan aktiviti pertanian ke arah kehidupan yang dinamik.

Mengulas lanjut, Aini berkata, anak-anak pokok tersebut dijual bermula dengan harga RM10 bagi setiap jenis.

"Anak-anak pokok yang dijual turut mendapat pensijilan Skim Pengesahan Bahan Tanaman yang memperakukan anak benih klon yang dikeluarkan UPM dan dijamin dari segi ketulenan baka dan kualiti yang memenuhi standard Jabatan Pertanian," ujarnya.